



**GARIS PANDUAN PENILAIAN**  
**SEMAKAN KURIKULUM DI**  
**BAWAH TTAC MBOT**

## 1.0 PENGENALAN

Garis panduan ini menerangkan kaedah penilaian semakan kurikulum di bawah TTAC MBOT. Garis panduan ini juga adalah penanda arasan dan adaptasi kepada Garis Panduan Pembangunan Program Akademik Universiti Awam yang dikeluarkan oleh Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT).

Semakan kurikulum adalah proses penambahbaikan sesuatu program akademik yang perlu dilakukan pada tempoh yang tertentu dan dilakukan secara berkala dan bersistematik. Kurikulum program akademik yang baik adalah kurikulum yang berciri fleksibel, dinamik dan relevan dengan keperluan semasa. Kurikulum yang berciri sedemikian dapat menyediakan pelajar dalam menghadapi cabaran masa hadapan.

## 2.0 PROSEDUR SEMAKAN KURIKULUM TTAC MBOT

Prosedur semakan kurikulum di bawah TTAC MBOT adalah seperti jadual di bawah.

<b>Perkara</b>	<b>Akreditasi penuh dan akreditasi sementara</b>
<b>Permohonan</b>	PP memohon melalui MQA
<b>Pemprosesan</b>	MQA memanjangkan permohonan kepada MBOT
<b>Pelantikan Panel</b>	TTAC membuat pelantikan panel
<b>Proses Penilaian Semakan</b>	TTAC MBOT menjalankan proses semakan
<b>Kelulusan</b>	TTAC MBOT meluluskan semakan kurikulum dan memanjangkan keputusan kepada MQA serta pemakluman kepada Lembaga
<b>Pasca Kelulusan</b>	MQA memaklumkan kelulusan semakan kurikulum kepada PP

Carta alir proses semakan kurikulum adalah seperti di Lampiran 1 dan templete borang penghantaran dokumen adalah merujuk kepada *SRR06-Curriculum Review* adalah seperti di Lampiran 2.

## 2.1 KATEGORI PERUBAHAN MAKLUMAT DAN TINDAKAN OLEH PP

i. Kategori perubahan maklumat dan tindakan oleh PP adalah seperti berikut :

PERUBAHAN	TINDAKAN
<b>i. Perubahan yang memerlukan pindaan maklumat pada Daftar Kelayakan Malaysia (MQR)</b>	
<p>a) Pindaan editorial pada penamaan program. (Contoh: Sarjana Muda Teknologi Elektrik (Automasi) kepada Sarjana Muda Teknologi Elektrik.</p> <p>b) Pindaan editorial pada <i>National Education Code</i> (NEC). (Contoh: NEC 540 kepada NEC 543)</p> <p>c) Perubahan kredit bergraduat. (Contoh: Program Diploma 93 kredit kepada 90 kredit ATAU program Sarjana Muda 126 kredit kepada 120 kredit)</p> <p>d) Perubahan tempoh pengajian. (Contoh: Tempoh pengajian 2 ½ tahun kepada 2 tahun ATAU bilangan minggu pembelajaran dalam 1 semester daripada 14 minggu kepada 17 minggu ATAU perubahan bilangan semester panjang dan pendek atau bilangan minggu pengajian per semester)</p> <p>e) Perubahan/Penambahan kaedah pengajian. (Contoh: Sepenuh masa atau separuh masa)</p>	<p>Memaklumkan kepada TTAC MBOT secara bertulis dengan disertakan surat kelulusan perubahan/pindaan maklumat daripada KPT bersama maklumat perubahan. Memaklumkan kelulusan perubahan ini kepada BPKP dan badan penaja yang berkaitan.</p>
<b>ii. Perubahan bersifat STRUKTURAL pada rekabentuk program (kurikulum) yang tidak membawa kepada pertukaran bidang pengajian lain (tidak membawa kepada penukaran NEC). Peratusan perubahan kurikulum yang diambil kira adalah secara KUMULATIF berdasarkan kurikulum asal seperti yang diluluskan.</b>	

<p>a) Perubahan/Penambahan kepada kaedah <i>Work-Based Learning</i> (WBL). (Contoh: Kaedah WBL yang dibangunkan berdasarkan Garis Panduan Amalan Baik: Pembelajaran Berasaskan Kerja (GGP:WBL) atau Garis Panduan Pelaksanaan Mod Pengajian 2u2i)</p> <p>b) Struktur program. (Contoh: Major, minor atau pengkhususan)</p>	<p>Memaklumkan kepada TTAC MBOT secara bertulis dengan mengemukakan SRR06 seperti di <b>Lampiran 1</b> untuk proses penilaian semula. Caj penilaian akan dikenakan berdasarkan keperluan.</p> <p>Sekiranya perubahan memerlukan pindaan pada MQR, PP perlu memaklumkan kepada MQA secara bertulis dengan disertakan surat kelulusan perubahan/pindaan maklumat daripada KPT bersama maklumat perubahan.</p>
<p><b>iii. Perubahan bersifat STRUKTURAL pada rekabentuk program (kurikulum) yang tidak membawa kepada pertukaran bidang pengajian lain (tidak membawa kepada penukaran NEC). Peratusan perubahan kurikulum yang diambil kira adalah secara KUMULATIF berdasarkan kurikulum asal seperti yang diluluskan.</b></p>	
<p>a) Penamaan program disebabkan pindaan pada <i>Technology/Technical Services</i> atau mengikut trend penamaan semasa.</p> <p>b) Perubahan pada Objektif Pendidikan Program (<i>Programme Educational Objectives, PEO</i>) atau Hasil Pembelajaran Program (<i>Programme Learning Outcomes, PLO</i>).</p> <p>c) Perubahan kandungan kurikulum bersifat struktural melebihi 30% daripada kurikulum asal komponen teknologi atau umum yang melibatkan pengguguran, penambahan atau penggantian kursus atau perubahan major <i>Course Learning Outcomes (CLO)</i> yang bukan editorial atau gabungan kedua-duanya. (Contoh: Perubahan kurikulum program Diploma 90 kredit yang melibatkan pertukaran lima (5) kursus sebanyak 15 kredit. Dalam pada itu, perubahan major CLO dibuat ke atas lima (5) kursus lain sebanyak 15 kredit. Secara keseluruhan, perubahan struktural melibatkan 30 kredit iaitu 33.3% daripada komponen kurikulum)</p>	<p>Memaklumkan kepada TTAC MBOT secara bertulis dengan mengemukakan SRR06 seperti di <b>Lampiran 1</b> untuk proses penilaian semula. Caj penilaian akan dikenakan berdasarkan keperluan.</p> <p>Sekiranya perubahan memerlukan pindaan pada MQR, PP perlu memaklumkan kepada MQA secara bertulis dengan disertakan surat kelulusan perubahan/pindaan maklumat daripada KPT bersama maklumat perubahan.</p>

<b>iv. Perubahan pada reka bentuk program (kurikulum) yang membawa kepada pertukaran bidang pengajian lain (membawa kepada pertukaran NEC).</b>	
<p>a) Perubahan penamaan dan kandungan program yang menjurus kepada <i>Technology/Technical Services</i> bidang pengajian lain.</p> <p>Contoh:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Sarjana Muda Sains Komputer kepada Sarjana Muda Teknologi Maklumat</li> </ul>	<p>Mengemukakan permohonan baharu kepada TTAC MBOT.</p> <p>Seterusnya mengemukakan maklumat program kepada MBOT beserta surat kelulusan mengendalikan program daripada KPT untuk disenaraikan dalam Senarai Akreditasi Penuh atau didaftarkan dalam MQR.</p>
<b>v. Perubahan/penambahan kaedah penyampaian program daripada Konvensional kepada <i>Open and Distance Learning (ODL)</i> ATAU perubahan/penambahan mod penawaran program.</b>	
<p>a) Perubahan/penambahan kaedah penyampaian program daripada Konvensional kepada <i>Open and Distance Learning (ODL)</i></p>	<p>Mengemukakan permohonan baharu kepada TTAC MBOT.</p> <p>Sekiranya perubahan memerlukan pindaan pada MQR, PP perlu memaklumkan kepada MQA secara bertulis dengan disertakan surat kelulusan perubahan/pindaan maklumat daripada KPT bersama maklumat perubahan.</p>
<p>b) Perubahan/penambahan mod penawaran program</p>	<p>Mengemukakan permohonan baharu kepada TTAC MBOT.</p> <p>Sekiranya perubahan memerlukan pindaan pada MQR, PP perlu memaklumkan kepada MQA secara bertulis dengan disertakan surat kelulusan perubahan/pindaan maklumat daripada KPT bersama maklumat perubahan.</p>
<b>vi. Perubahan selain daripada Kategori i, ii, iii, iv dan v.</b>	

<p>a) Perubahan bagi memenuhi keperluan standard program.</p> <p>b) Penyelarasan kandungan kursus dengan penggantian topik selaras dengan perkembangan ilmu semasa.</p> <p>c) Penambahan komponen pembelajaran teradun (<i>blended learning</i>) dalam pengendalian program.</p> <p>d) Perubahan kaedah atau komposisi penilaian formatif dan sumatif.</p> <p>e) Perubahan sinopsis kursus.</p> <p>f) Pengemaskinian bahan rujukan.</p>	<p>Tidak perlu memaklumkan kepada TTAC MBOT dan KPT. PP perlu menyimpan rekod dan bukti-bukti pengesahan untuk semakan semasa penilaian audit pematuhan.</p>
<p>g) Perubahan Sesi Pengajian bagi pengambilan kohort pertama program baharu.</p> <p>h) Perubahan Sesi Pengajian yang terlibat dengan perubahan maklumat/semakan kurikulum.</p> <p>i) Perubahan Maklumat Status Program - Penjumudan - Pembekuan - Penawaran semula program</p>	<p>Tidak perlu memaklumkan kepada TTAC MBOT. PP perlu menyimpan rekod dan bukti-bukti pengesahan untuk semakan semasa penilaian audit pematuhan.</p> <p>Perubahan pada item g), h) dan i) perlu memohon kelulusan KPT dengan mengemukakan surat justifikasi permohonan.</p>
<p>j) Pelupusan Program Akademik</p>	<p>Mengemukakan surat penghentian program dan menyerahkan sijil perakuan akreditasi kepada TTAC MBOT.</p> <p>Memohon pengesahan KPT dengan mengemukakan surat justifikasi permohonan.</p>
<p>k) Perubahan atau penambahan syarat kelayakan masuk untuk program pendidikan tinggi</p>	<p>Mendapatkan kelulusan daripada TTAC MBOT dan seterusnya pemakluman kepada KPT.</p>

SEMAKAN KURIKULUM AKREDITASI PENUH DAN AKREDITASI SEMENTARA



